

Jilid 1/2017, Isu 3

31 Mac 2017

**Visi**

Memulihkan hutan semula jadi dan menguruskannya secara mampan

**Matlamat Dasar**

Membekal sumber kayu kayan yang konsisten, menepati jangkauan dan mampan dari hutan NFM dan ITP (BASIL)

**Nilai-Nilai Dasar**

- Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahui;
- Cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan-rakan dan alam semulajadi;
- Mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan;
- Peningkatan dan pembaharuan diri dan Sapulut yang berterusan melalui proses latihan dan pembelajaran, dan mempraktikkan "Saya lihat, Saya berfikir dan Saya lakukan"
- Disiplin - disiplin diri, pemikiran dan tingkah laku yang berdisiplin;
- Melaksanakan tugas biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan.

Dikemaskini pada 17 Januari 2017

**PEMULIHAN SEMULAJADI LARAN****- Matlamat Dasar -**

Semasa lawatan saya bersama Datuk Sam untuk meninjau sekitar CPT 182, kami telah ditunjukkan pokok Albizia yang telah diserang oleh payau, dan mendapat kejutan gembira iaitu pokok laran putih (*Anthocephalus cadamba*) bertumbuh di sebelah pokok Albizia. Pertumbuhan ini telah dilihat dengan nyata selepas pemotongan dan para pekerja yang terlibat berkeputusan untuk tidak mengganggu pertumbuhan semulajadi yang berharga ini.

Ini merupakan satu keputusan penting yang telah dibuat oleh para pekerja lapangan, dan saya berterima kasih kepada Plorrah, Kong Juu Wen dan pasukan mereka kerana membuat "inovasi" ini. Inovasi di sini ditakrifkan sebagai keupayaan untuk menghasilkan nilai / kekayaan yang lebih tinggi daripada sumber-sumber yang sedia ada. Kita menanam satu anak benih Albizia, dan kita mendapat beberapa benih laran sebagai balasan, semua bertumbuh dengan baik. Sesungguhnya ini adalah satu rahmat dan hadiah daripada alam semula jadi, dan oleh kerana tindakan kita kepada tanah, kita dapat mengambil kesempatan daripada itu.

Cuba fikirkan— FMU lain juga diberi peluang yang sama tetapi adakah mereka mendapat kelebihan yang sama seperti Sapulut?

**Apakah PERBEZAANnya?**

Ia merupakan sebahagian daripada nilai-nilai teras, iaitu kita mengambil berat dan menghormati alam sekitar, yang membawa kita kepada ini. Kita tidak menggunakan sebarang baja kimia atau racun perosak yang akan merosakkan tanah; Kita mengambil kira pekerjaan bagi pemotongan secara manual (adakah computer boleh berbuat sedemikian?) untuk membezakan pokok laran daripada spesies pokok yang lain, dan keputusan untuk memulihara laran bagi pertumbuhan masa depan; Kita memulihara zon penampakan (buffer zone), yang menyediakan iklim mikro yang menggalakkan pertumbuhan laran; Dan kita mempunyai pasukan yang bersemangat di lapangan yang meneliti perkara sebegini.

Dalam mana-mana organisasi, terdapat beratus-ratus keputusan yang perlu dibuat setiap hari. Dan di Ibu Pejabat KK, kami hanya membuat 10% daripadanya. 90% daripada keputusan itu adalah daripada para pekerja di lapangan. Terima kasih kepada pasukan yang mengamalkan "Saya lihat, Saya berfikir, dan Saya lakukan", keputusan yang diambil telah membawa kita kepada keadaan yang menguntungkan ini.

Memetik kata-kata Warren Buffet, ujian perniagaan yang baik adalah penurunan kos dan peningkatan produktiviti. Dalam kes kita, melalui penjagaan, kepimpinan yang baik di lapangan, mengamalkan "Saya lihat, Saya berfikir dan Saya lakukan", dan tiada penggunaan bahan kimia (penjimatan kos), kita mampu mendapat manfaat sebegini.

Terima kasih kepada pasukan ini.

Norman Wong, Pengarah Urusan (13 Januari 2017)

**Serangan Payau dalam Penanaman BASIL**

Menurut statistic, kematian tertinggi berlaku dalam tempoh yang kritikal antara banci-2 dan banci-3 (bulan ke-2 dan ke-6 selepas penanaman). Kira-kira 36% daripada pokok yang ditanam yang terse-lamat di Cpt. 186 diserang oleh payau. Serangan payau adalah satu faktor utama yang menyumbang kepada kematian yang tinggi di kawasan penanaman BASIL

**Pemerhatian di lapangan:**

- Payau biasanya menyerang dengan memakan pucuk muda Albizia (berumur setahun ke bawah).
- Bagi Albizia berumur setahun dan ke atas, payau biasanya menanggalkan kulit pokok dan akhirnya pokok tersebut mati.
- Kebanyakan serangan berlaku dalam kawasan penanaman yang berdekatan dengan hutan

**Kaedah-kaedah kawalan:**

Beberapa ujian telah dijalankan untuk mengurangkan serangan payau:


- Pemasangan jaket yang dikitar semula
- Pewujudan "korban" anak-anak benih Albizia di dalam kawasan berpotensi untuk diserang payau



Kulit kayu anak benih Albizia yang rosak (9 bulan) disebabkan tanduk rusa di Cpt. 179



Gigitan pada pucuk muda anak benih Albizia (umur 18 bulan) di Cpt. 186

**Pengagihan Pokok Ditanam yang Terselamat selepas bulan ke-12 di Cpt.186****Kadar Kelangsungan Hidup Cpt. 186**

**GET INVOLVED:** If you like to contribute articles, feel free to submit to [newsletter@sapulut.com](mailto:newsletter@sapulut.com) or contact any of the team members:-

**KK Office:** Deckna Mosinoh & Theresia Richard

**Base Camp:** Teddy Sius (FMUEM Office), Lowilyn Bazar, Johnson Joseph & Eve Asjera Janim.

We welcome any feedback or comments to improve the contents of our newsletter. We also welcome any of the staff who wish to become a member of Newsletter Team.

## Makan Malam Tahunan Sapulut untuk Tahun 2017

ia adalah malam yang menarik dan tidak dapat dilupakan pada Mac 11, 2017 yang lalu dimana pihak pengurusan dan kakitangan berkumpul dan bersatu untuk meraikan Majlis Makan Malam Tahunan Sapulut 2017 di Kem FMU 14, Tibow.

Lebih 300 pekerja mengambil bahagian dalam acara ini dan ia adalah lebih bermakna dengan kehadiran tetamu yang dihormati, Pengarah Urusan Encik Norman Wong, disertai oleh En Bryant Wong, Pengurus Besar Sapulut Forest Development Sdn. Bhd.

Acara bermula pada pukul 6.30 petang dengan ketibaan kakitangan yang terus ke kaunter pendaftaran untuk menandatangani bagi mendapatkan tiket cabutan bertuah dan cenderahati.

Acara kemuncak pada malam itu adalah ucapan utama daripada pihak pengurusan tertinggi dan tumpuan utama adalah video daripada Pengarah Urusan. Beliau menekankan mengenai amalan dan budaya "Saya lihat, saya fikir, saya lakukan". Kedua-dua ucapan beliau memberikan inspirasi dan motivasi. MD menggalakkan kakitangan untuk mencabar diri mereka dengan kerja yang konsisten ke standard yang lebih tinggi yang mana akan membawa kepada kecemerlangan, inovasi dan kreativiti.

Para hadirin dihiburkan dengan persembahan tarian khas oleh pekerja daripada bahagian-bahagian yang berbeza dan persembahan nyanyian yang mempamerkan berbakat penyanyi peringkat akhir Solo dan Duet. Mereka telah memberikan satu persembahan yang menakjubkan semasa hadirin menikmati masakan India yang lazat. Hadirin menunjukkan kegembiraan mereka dengan sorakan dan ketawa semasa Ang Pau dan cabutan hadiah apabila pemenang bertuah diumumkan.

### Pemenang Pertandingan Menyanyi

Solo – Sazleey Jayfizan Sampulu  
Duet - Sazleey Jayfizan & Norajiah W.

### Cabutan Ang Pau Tertinggi

Irwansyah Sulaiman

Acara berakhir pada jam 11 malam dengan ucapan terima kasih daripada pihak penganjur atas kerjasama untuk menjayakan acara ini.



**Gambar Atas:** Pekerja Sapulut dari Sandakan, Tawau dan KK menghadiri Makan Malam Tahunan bergambar bersama pekerja di kem dan pelajar latihan industri.



**Gambar Atas:** Pekerja yang menyertai pertandingan karaoke solo.

**Gambar Bawah:** Pekerja yang menyertai pertandingan karaoke duet.




**Gambar kiri:** Persembahan oleh pekerja yang berbakat.

**Gambar Bawah:** Beberapa pekerja bertuah yang memenangi angpau dan cabutan bertuah.




## Senaman di Pejabat: Mencari Masa untuk Bersenam

Pernahkah anda melakukan senaman di tempat kerja anda untuk mengatasi *mood* tengah hari anda? Berikut adalah beberapa senaman mudah yang boleh anda lakukan di tempat kerja anda.




### 1. Angkat Kaki

Duduk terlalu lama boleh mencederakan tulang belakang anda. Jadi, sambil duduk di kerusi anda (dan tanpa sesiapa perasan), angkat kaki anda di bawah meja dan tahan selama lima saat. Kemudian, turunkan kaki dan biarkan ia bergantung tanpa menyentuh lantai. Ulang senaman beberapa kali.




### 4. Angkat Bahu

Mengangkat dan menurunkan bahu anda adalah salah satu langkah biasa apabila melakukan rutin memanaskan badan ini. Mengangkat bahu anda tinggi naik dan turun, melakukannya secara teratur. Untuk beban tambahan, tambahkan berat badan dalam setiap tangan (contoh kamus atau botol air penuh) dan berulang.



### 2. Tekan Tubi

Sementara menunggu dokumen dicetak, sebagai contoh, anda boleh melakukan latihan ini. Tekan tubi menggunakan dinding. Berdiri kira-kira tiga kaki menghadap dinding dan meletakkan tapak tangan di dinding. Dengan menggunakan tangan, bersandar badan anda ke hadapan dan menolak kembali untuk melengkapkan tekan tubi.



### 5. Regangan

Jika anda duduk di atas kerusi pusing dengan roda, ia adalah lebih mudah. Letakkan tangan anda di atas meja, genggam ketat dan tolak tempat duduk ke belakang sambil memanjangkan kepala ke hadapan. Lihat ke bawah lantai dan perlahan-lahan mengangkat kepala anda dan ke bawah beberapa kali supaya ketegangan hilang.



### 3. Berdiri Atas Kaki

Mulakan dengan berdiri dan kedua-dua tangan di dinding untuk keseimbangan. Bengkokkan lutut kanan dan angkat tumit anda ke arah punggung anda. Tahan selama beberapa saat dan kemudian menurunkan kaki anda. Ulang beberapa kali dan kemudian melakukan perkara yang sama dengan kaki yang lain.

Sumber:

Berita Harian, 23/04/2016, m/s 19 (NIOSH Buletin Isu 08, Jilid 9, 2016)  
~OSH Department

## Tahun 2017: Berusaha untuk Pensijilan Pengurusan Hutan

Pada bulan November 2016, kami menghadiri Persidangan Heart of Borneo (HoB) dan menyaksikan jiran kita, Bomion Timber (FMU 11) dianugerahkan dengan Pensijilan Pengurusan Hutan untuk kawasan NFM mereka. Secara jujur, saya berasa cemburu dengan kejayaan mereka kerana ia sepatutnya menjadi Sapulut. Mengapa?? Kerana kita telah bermula sebelum Bomion tetapi kini mereka telah disahkan di hadapan kita.

Kembali pada tahun 2015, kita telah melalui pensijilan MC & I untuk NF sehingga Peringkat 2, tetapi disebabkan pengurangan kawasan, Sapulut terpaksa menanggungkan pensijilan kerana ia adalah perlu untuk meminda FMP kita. Mungkin ada sebab-sebab yang baik mengapa ini berlaku.

Semasa majlis makan malam tahunan Sapulut baru-baru ini, MD telah mengumumkan bahawa FMP kita telah diluluskan. Keesokan harinya, saya bertemu dengan MD untuk mendapatkan pengesahan pengumuman beliau dalam ucapannya. Dia dengan senang hati mengesahkan dan memberitahu saya bahawa kita boleh meneruskan matlamat kita, iaitu berusaha untuk disahkan dengan Pensijilan Pengurusan Hutan.

Beberapa hari kemudian, saya menghubungi Encik Najwan (salah satu daripada juruaudit), dan memberitahu beliau mengenai kemajuan kita dan dia memberi galakan untuk kita meneruskan.

Untuk Sapulut, dengan kerjasama dan kerja berpasukan, kita pasti boleh disahkan. Marilah kita bersedia kerana kita akan bermula bila-bila masa dari sekarang! **Sapulut BOLEH!**

~ Teddy Sius, Acting Head of THSS Department



## Tahukah Anda — Bagaimana Haiwan Hidup di dalam Hutan?

### A) Cuaca

Cuaca di Hutan Hujan adalah panas dan lembap sepanjang tahun. Haiwan tidak akan berhadapan dengan perubahan musim. Hutan hujan ialah hutan yang mempunyai banyak pokok dan tumbuhan lain. Hutan hujan merangkumi 4 lapisan iaitu lapisan "emergent", Kanopi, understorey (Lapisan tengah) dan lantai hutan – spesies yang berbeza berkongsi lapisan yang berseesuaian untuk kelangsungan hidup. Hutan hujan mendapat nama daripada jumlah hujan yang diterima iaitu lebih 2000mm setahun.

### B) Penampilan

Di dalam hutan hujan, terdapat haiwan yang tidak ingin kehadirannya disedari. Haiwan ini akan melakukan penyamaran sesuai dengan persekitarannya. Penyamaran ini sangat berguna untuk mengelakkan diri daripada ditangkap oleh haiwan lain. Haiwan ini juga menggunakan penyamaran semasa mencari mangsa. Manakala haiwan yang berwarna terang bermaksud ianya beracun dan tidak suka diganggu.

### C) Makanan


Mendapatkan makanan harian menjadikan persaingan antara haiwan yang mempunyai diet yang sama. Walau bagaimanapun, banyak haiwan yang belajar untuk memilih makanan yang tidak disukai oleh haiwan lain. Mereka telah menyesuaikan diri dengan jenis diet yang membantu mereka untuk terus hidup dalam hutan hujan. Sebahagian daripada makanan ini termasuklah buah – buahan, daun dan kacang.

### D) Tempat Perlindungan

Disebabkan oleh empat lapisan strata yang terdapat didalam hutan hujan, ia merupakan tempat tinggal yang sesuai untuk haiwan. Lapisan atas atau dikenali sebagai emergent pokok mempunyai pokok yang sangat tinggi. Pada lapisan ini anda akan menjumpai haiwan yang memerlukan matahari yang banyak seperti kupu – kupu, monyet, burung helag dan kelawar. Lapisan kanopi merupakan lapisan yang berhampiran dengan makanan. Lapisan ini terlindung daripada matahari, tetapi masih terdapat cahaya yang masuk. Anda akan menjumpai Katak pokok dan juga burung tukan di lapisan kanopi. Lapisan tengah (understorey) mendapat jumlah cahaya yang sedikit dan keadaan ini disukai oleh harimau bintang dan jaguar. Lapisan paling bawah hutan atau dikenali sebagai Lantai hutan mempunyai keadaan yang gelap. Sesetengah haiwan yang hidup di lantai hutan termasuklah tenggiling, iguana hijau dan serangga.

Sumber: <https://www.cuteness.com/article/do-animals-rain-forest-survive>

## Flora dan Fauna di Hutan Sapulut (FMU 14)



Nama Vernakular: Gajah Pygmy Borneo  
 Nama Scientific: *Elephas Maximus Borneensis*  
 Lokasi: Stumping ITP 3 (FMU 14)



Gambar Atas:  
*Nepenthes wallichii*



Gambar Kanan:  
*Nepenthes ampullaria*



Nama: Kijang  
 Nama Saintifik: *Muntiacus atherodes*  
 Lokasi: Salt lick  
 Diambil dengan perangkap kamera

1/29/2015 10:12 PM

## Tarikan di Sapulut Forest ( FMU 14)



Nama: Batu Saap, Lokasi: ITP 6 (Kompartmen197 B)  
 Luas: 11.83 hektar (anggaran), Jarak dari kompleks perhutanan: 17.8 KM

## Tender. Loving. Care



Meraikan harijadi pekerja yang lahir pada bulan Januari :- En Santharasagaran, Pengurus Eksekutif FMU dan Pn Julie, Akauntan.



Tahniah kepada HOD Bahagian Perlindungan Hutan, Renny Jinoleh yang telah selamat melahirkan anak lelaki, Axelsen pada 11/03/2017. Gambar diambil bersama suami beliau, Anderson Foo.



Gambar Atas dan Bawah: Pekerja dari Ibu Pejabat KK pergi bersiar-siar di Kundasang pada 25—26 Februari 2017 yang lalu.

